

**PEPERIKSAAN AKHIR****KURSUS : ASAS KEWANGAN ISLAM****KOD KURSUS : PIF1013****TEMPOH : 02 JAM****ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian : BAHAGIAN A (20 soalan)
: BAHAGIAN B (20 soalan)
: BAHAGIAN C (02 soalan)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.
 - i. Jawab SEMUA BAHAGIAN dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Sila pastikan set peperiksaan ini mengandungi :
 - i. Kertas Peperiksaan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Jawapan Betul/Salah
 - iv. Kertas Jawapan Objektif
4. TIDAK DIBENARKAN membawa sebarang bahan ke dalam dewan peperiksaan kecuali mendapat kebenaran daripada pengawas peperiksaan.
5. Tulis jawapan anda dengan menggunakan pen mata bulat (*ball-point pen*).

NO. MYKAD : _____**NO. ID : _____****PENSYARAH : _____****SEKSYEN : _____**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas soalan ini mengandungi 09 muka surat bercetak

MAC2024/E/PIF1013

BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN*Jawab SEMUA soalan.*

1. **(1 point)**
Tabung Haji ialah institusi yang menjadi pengasas kepada perkembangan sistem kewangan Islam di Malaysia yang bermula pada tahun 1963.
2. **(1 point)**
Keadilan merupakan antara ciri-ciri perbankan Islam.
3. **(1 point)**
Sistem kewangan Islam dilaksanakan bagi mendapat redha manusia semata-mata.
4. **(1 point)**
Pelanggan akan dikenakan *Ta'widh* jika lewat bayar dalam sistem perbankan Islam.
5. **(1 point)**
Sistem kewangan Islam adalah satu sistem yang menekankan aktiviti kebajikan semata-mata.
6. **(1 point)**
Dalam konteks riba, gandum adalah barangan ribawi.
7. **(1 point)**
Riba ialah perkara yang meragukan di antara selamat atau tidak selamat.
8. **(1 point)**
Gharar fahish ialah *gharar* yang boleh diterima dan tidak akan membatalkan kontrak.
9. **(1 point)**
Harta yang dimiliki oleh individu Islam akan dizakat dengan kadar 2.5%.
10. **(1 point)**
Zakat harta ialah kewajipan setiap individu muslim membayarnya setahun sekali.
11. **(1 point)**
Kontrak perkongsian bukan kontrak yang digunakan dalam sistem kewangan Islam.

12. **(1 point)**
Ijarah Thumma al Bay ialah perkhidmatan pinjaman jangka pendek berdasarkan nilai gadaian emas.
13. **(1 point)**
Kontrak *Tabarru'* ialah kontrak berkaitan kebajikan.
14. **(1 point)**
Kontrak yang melibatkan pertukaran wang yang sama atau berlainan dikenali sebagai *Bay' al-Dayn*.
15. **(1 point)**
Penggadai meninggal dunia tidak akan membatalkan gadaian.
16. **(1 point)**
Syarikat Insurans Islam Sudan yang ditubuhkan pada 1979 bertujuan untuk melahirkan semula Takaful.
17. **(1 point)**
Konsep asas dalam insurans ialah semangat kerjasama dan tolong menolong.
18. **(1 point)**
Window perbankan CIMB Islamic di Singapura mula beroperasi pada 2006.
19. **(1 point)**
Penubuhan Public Islamic Bank Berhad diterajui oleh Ismail Ibrahim sebagai Ketua Eksekutif.
20. **(1 point)**
Perlindungan kewangan dan kerugian kepada para pencarum adalah matlamat utama takaful.

BAHAGIAN B: SOALAN ANEKA PILIHAN*Jawab SEMUA soalan*

1. **(1 point)**
Tiga komponen sistem kewangan moden ialah institusi, instrumen dan _____.
 - A. pelaburan
 - B. pasaran
 - C. insurans
 - D. peserta

2. **(1 point)**
Bank-bank perdagangan, bank-bank saudagar dan syarikat-syarikat kewangan merupakan _____ utama dalam mengumpul dana-dana dan sumber kewangan penting yang menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi di Malaysia.
 - A. pelengkap
 - B. pelabur
 - C. penaung
 - D. penggerak

3. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan peranan koperasi?
 - A. Memberi pinjaman kepada pemegang polisi.
 - B. Memberi pinjaman jangka pendek berdasarkan nilai gadaian emas.
 - C. Menggerakkan tabungan daripada ahli dan memberi pinjaman kepada ahli.
 - D. Memberi latihan dan nasihat kepada golongan miskin untuk memulakan perniagaan.

4. **(1 point)**
Manakah antara berikut dikategorikan sebagai bank Islam?
 - A. Ambank Berhad
 - B. OCBC Al-Amin Bank Berhad
 - C. RHB Investment Bank Berhad
 - D. Bank Simpanan Nasional (BSN)

5. **(1 point)**
Bank yang manakah yang merupakan Bank Pusat di Malaysia?
 - A. Bank Negara Malaysia
 - B. Malayan Banking Berhad
 - C. Bank Islam Malaysia Berhad
 - D. Bank Simpanan Nasional (BSN)

6. **(1 point)**
Manakah antara berikut merupakan fungsi institusi kewangan bukan bank?
- A. Menyediakan perkhidmatan simpanan wang yang selamat.
 - B. Menyediakan pengawasan ke atas sistem penjelasan pembayaran.
 - C. Menawarkan perkhidmatan kewangan kepada syarikat swasta antarabangsa.
 - D. Mewujudkan deposit semasa dan penggunaan cek untuk mengeluarkan deposit semasa.
7. **(1 point)**
Manakah antara berikut menunjukkan fungsi bank pusat?
- A. Mengeluarkan mata wang Malaysia.
 - B. Mengurus pelaburan syarikat berhad.
 - C. Menawarkan kemudahan pembiayaan.
 - D. Menyediakan perkhidmatan simpanan wang yang selamat.
8. **(1 point)**
- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">- Instrumen kewangan dengan kecairan yang tinggi.- Tempoh kematangan bermula dari semalaman hingga kurang setahun. |
|---|
- Pernyataan 1
- Pernyataan 1 di atas merujuk kepada _____.
- A. Pasaran Wang
 - B. Pasaran Modal
 - C. Pasaran Hadapan
 - D. Pelaburan *Offshore*
9. **(1 point)**
Berapakah jumlah minimum untuk membuka akaun bagi pelaburan *Offshore*?
- A. USD\$100,000
 - B. USD\$500,000
 - C. USD\$1,000,000
 - D. USD\$5,000,000
10. **(1 point)**
Pasarman yang manakah yang juga dikenali sebagai Pasaran Derivatif?
- A. Hadapan
 - B. Wang
 - C. *Offshore*
 - D. Modal

11. (1 point)

Manakah antara berikut menggambarkan konsep Waqaf?

- A. Mohd memberi kasut baru kepada adiknya untuk bersukan.
- B. Waiz memberi bangunan miliknya untuk kegunaan pusat tahfiz.
- C. Ahmad memberi kereta kepada anaknya untuk kegunaan ke kelas.
- D. Danial memberi rumah keduanya kepada ibunya setelah rumah ibunya musnah akibat kebakaran.

12. (1 point)

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> - Mengupah tukang jahit untuk menjahit baju raya. - Mengupah kontraktor untuk membina kedai runcit. |
|--|

Pernyataan 2

Kontrak yang manakah yang bersesuaian dengan pernyataan 2 di atas?

- A. *Wakalah*
- B. *Tawarruq*
- C. *Salam*
- D. *Istisna'*

13. (1 point)

Manakah antara berikut merujuk kepada kontrak perkongsian **KECUALI**?

- A. Hawa dan Nadia bersetuju untuk bekerja di kedai buku bersama-sama.
- B. Sufyan dan Aizat bersetuju untuk berkongsi modal dalam satu pelaburan.
- C. Anas bersetuju untuk mengusahakan kedai perabot dengan modal dikeluarkan oleh Zaidi.
- D. Ina dan Amira bersetuju untuk bersama-sama mengeluarkan modal dan menjalankan perniagaan tudung.

14. (1 point)

Pasar raya Impian menawarkan jualan murah sempena hari pembukaan rasmi di mana semua barang dijual dengan harga kos. Akad ini dikenali sebagai akad _____.

- A. *Muwada'ah*
- B. *Murabahah*
- C. *Tawliyyah*
- D. *Tabarru'*

15. (1 point)

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> - Bayaran penuh perlu dilakukan di awal kontrak. - Penyerahan barang ditangguh kemudian. |
|---|

Pernyataan 3

Kontrak yang manakah yang bersesuaian dengan pernyataan 3 di atas.

- A. *Salam*
- B. *Al Ijarah*
- C. *Wadiah*
- D. *Tawarruq*

16. (1 point)

Fakta yang manakah **TIDAK** benar berkaitan CIMB Islamic Bank Berhad?

- A. Merupakan bank pelaburan ASEAN asli.
- B. Visinya adalah untuk menjadi syarikat utama ASEAN.
- C. Bank universal Malaysia yang mempunyai beribu pejabat di Kuala Lumpur.
- D. Pengembangan ke China dengan penubuhan cawangan Beijing pada tahun 2012.

17. (1 point)

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> - Dirasmikan oleh Tan Sri Dato' Seri Dr. Zeti. - Visi untuk menjadi syarikat utama ASEAN. |
|--|

Pernyataan 4

Pernyataan 4 di atas merujuk kepada _____.

- A. RHB Islamic Bank Berhad
- B. Public Bank Islamic Berhad
- C. CIMB Islamic Bank Berhad
- D. Maybank Islamic Bank Berhad

18. (1 point)

Manakah antara berikut negara-negara yang menjadi pasaran teras bagi aktiviti perniagaan CIMB Bank Berhad.

- i. Malaysia
 - ii. Indonesia
 - iii. Vietnam
 - iv. Thailand
- A. i, ii dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. i, ii, iii dan iv

19. **(1 point)**

Manakah antara berikut dua akad yang digunakan dalam sistem takaful?

- A. *Murabahah* dan *Wakalah*
- B. *Murabahah* dan *Wadiah*
- C. *Mudharabah* dan *Wakalah*
- D. *Mudharabah* dan *Wadiah*

20. **(1 point)**

Manakah antara berikut merupakan projek myWakaf yang sedia ada di seluruh negara?

- A. Pusat Muallaf Kelantan.
- B. Yayasan Al-Jenderami, Selangor.
- C. Pusat Hemodialisis MAIDAM, Terengganu.
- D. Sekolah Menengah Islam Seremban, Negeri Sembilan.

BAHAGIAN C: SOALAN STRUKTUR

Jawab SEMUA soalan.

1. **(10 points)**

Encik Hilmi ingin menjalankan perniagaan sewa kereta namun tidak mempunyai modal yang cukup bagi meneruskan rancangan perniagaan beliau. Oleh itu, beliau telah pergi ke bank bagi mendapatkan tunai untuk memulakan perniagaan sewa keretanya dan dicadangkan untuk mengambil produk *Tawarruq*. Berdasarkan situasi ini, jelaskan perkara-perkara berikut.

a. Maksud kontrak *Tawarruq*.

(5 points)

b. Contoh *Tawarruq* berdasarkan situasi Encik Hilmi.

(5 points)

2. **(10 points)**

Rakan anda berminat untuk mengambil takaful setelah melihat iklan-iklan berkenaan syarikat-syarikat takaful dan insurans. Namun, oleh kerana beliau masih lagi keliru berkenaan perbezaan takaful dan insurans, rakan anda telah datang berjumpa anda yang merupakan ejen takaful untuk mendapatkan maklumat lanjut. Terangkan kepada beliau **LIMA (5)** perbezaan takaful dan insurans.

KERTAS SOALAN TAMAT